

24 JAN 1999

Dompok-PBS

ISU "LOMPAT MELOMPAT" - DOMPOK SELAR PBS

PENAMPANG, 24 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini menyelar para pemimpin parti pembangkang, terutamanya Parti Bersatu Sabah (PBS), yang terus menggunakan isu "lompat melompat parti" di negeri itu.

Terdapat beberapa orang yang melompat menyertai Barisan Nasional (BN), apabila kerajaan yang diterajui PBS kalah, tetapi mereka menyertai PBS semula, apabila mereka tidak mendapat apa yang mereka mahukan dalam BN, katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan derma makanan kepada mangsa banjir di Taman King Lam, Lido, dekat sini, Dompok, yang juga presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) berkata pembangkang menggunakan isu itu memandangkan rakyat Sabah lebih yakin kepada BN.

PDS ditubuhkan selepas kerajaan negeri PBS kalah dalam tahun 1994, dan PDS kemudiannya menyertai BN.

Ditanya berkaitan khabar-khabar angin Dewan Undangan Negeri (DUN) akan dibubarkan esok (Isnin), Dompok yang juga Pengerusi BN negeri berkata khabar-khabar angin itu tidak benar, beliau belum lagi menemui Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai, untuk mendapatkan persetujuan untuk membubarkan DUN.

Dompok berkata, bagaimanapun beliau telahpun mempunyai "tarikh" bagi membubarkan DUN, tetapi beliau tidak menjelaskannya dengan lanjut.

Tempoh DUN sekarang berakhir pada 18 Mac ini.

Sementara itu, Setiausaha BN Negeri Datuk Karim Bujang berkata kesemua pemimpin komponen BN negeri akan diberi peluang untuk menyuarakan pendapat mereka pada persidangan BN negeri ketiga, yang dijadualkan pada 20 Feb ini.

Beliau berkata persidangan itu, yang akan dihadiri lebih daripada 3,000 perwakilan, dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

NT RI